

**UCAPAN**  
**PROF. DATUK WIRA DR RAHA ABDUL RAHIM**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**LAWATAN NC KE PEJABAT PNC PPF FAN LAWATAN KAMPUS UTeM**

**Yang Berusaha Prof. Madya Teknologis Mohd. Rahimi bin Yusoff**

Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

**Pengarah-Pengarah Pejabat, Staf, Hadirin dan Hadirat sekalian**

1. Pertama sekali marilah kita panjatkan saya syukur kehadiran Allah SWT kerana di atas izinNya, kita dapat bersama-sama di dalam program yang diaturkan oleh Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) pada petang Jumaat yang berbahagia ini.
2. Program ini amatlah relevan untuk diadakan, apatah lagi saya baru sahaja bersama-sama UTeM untuk hari yang ke-138 pada hari ini, yang pastinya banyak lagi perkara-perkara penting yang masih belum berada di dalam radar

pengetahuan saya, khususnya dalam aspek pembangunan kampus Induk UTeM.

3. Sebelum ini, saya pernah melawat keseluruhan kawasan Kampus Induk UTeM ini secara sendiri, dan hasilnya saya dapati banyak lagi perkara yang boleh ditambahbaik dan dirancang untuk dibangunkan. Infrastruktur yang holistic amat penting dalam penjanaaan UTeM sebagai sebuah universiti teknikal yang tersohor lebih-lebih lagi dalam era IR4.0 yang memerlukan kita untuk bersama-sama bersaing bagi

menempatkan UTeM tercinta ini sebaris dengan Universiti yang ternama.

4. Sebagai makluman semua, antara elemen penting yang menarik minat pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian mereka di IPT Malaysia adalah dari segi kualiti insfrastuktur yang disediakan oleh IPT tersebut seperti kemudahan kolej kediaman yang lengkap dan mempunyai kelas tersendiri, kemudahan riadah yang kondusif, kemudahan komunikasi yang canggih serta lain-lain lagi.

5. Jadi, di sinilah peranan Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti amat penting dalam memastikan penyerlahan UTeM berjalan seiring dengan kualiti program yang ditawarkan.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

6. Alhamdulillah, program pada petang ini juga memberi kesempatan kepada saya untuk mengenali dengan lebih rapat warga kerja yang bernaung di bawah Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) yang diketuai oleh Prof. Madya Teknologis Mohd Rahimi Yusoff.

Difahamkan terdapat empat pihak berkuasa universiti dan satu PTj yang bernaung di bawah Pejabat PNC PPF iaitu:

- a. Pejabat Pembangunan, yang diketuai oleh LAR. Abd Wahab bin Harun,
- b. Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar yang diketuai oleh Prof Madya Teknologis Juhari bin Ab Razak,
- c. Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang diketuai oleh Teknologis Azwan bin Aziz,
- d. Pejabat Keselamatan yang diketuai oleh Kapten Ahmad Shakir bin Yahaya, dan

e. Pejabat Pengurusan Kenderaan Universiti yang diketuai oleh Encik Muhammad Zhafri bin Mokhtar

7. Jika dilihat, semua PTj dan PBU di bawah Pejabat PNC PPF merupakan service provider yang amat penting dalam memastikan pengurusan dan pengoperasian Universiti yang teratur dan efektif.
8. Justeru itu, saya menyeru semua staf yang berada di pejabat-pejabat penting ini dapat menggalas amanah dan



tanggungjawab dengan sebaik-baiknya demi Universiti yang kita cintai ini.

9. Elemen kerjasama sebagai satu pasukan dan saling membantu antara satu sama lain juga amatlah penting untuk diterapkan di dalam diri kita semua supaya segala kerja dapat dihasilkan dengan sempurna dan memenuhi standard yang ditetapkan.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

10. Berdasarkan agenda program petang ini, difahamkan bahawa sejourus selepas ini, akan diadakan Tandatanganan Ikrar Bebas Asap Rokok dan Dasar serta Garis Panduan Pengurusan Tenaga UTeM. Kedua-dua inisiatif ini amatlah penting dalam memastikan pembangunan kampus yang lebih kondusif dan sejahtera. Diharapkan, banyak lagi usaha-usaha murni seumpama ini dapat dianjurkan di masa akan datang.
11. Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada seluruh warga kerja Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) di atas segala

usaha dan segala bentuk komitmen kerja yang dizahirkan, untuk kebaikan kita bersama dalam membangunkan UTeM ke peringkat yang lebih cemerlang dan gemilang.

Sekian, terima kasih.